

## Pembinaan ikut reka bentuk moden

NUR FARHANA ABDUL MANAN  
20 JULAI 2016



Mohamed Azmin (tengah) ketika melancarkan Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Selangorku di Puchong Utama, semalam.

PUCHONG – Pemaju hartanah, Hillcrest Gardens Sdn Bhd (Hillcrest) menjadi pemaju pertama di negara ini membina Rumah Mampu Milik ‘Rumah Selangorku’ dengan penganugerahan Sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Pengerusi Hillcrest, Leftenan Jeneral Datuk Hashim Mohamed Amin berkata, pangsapuri dibina di Puchong Utama itu menggunakan reka bentuk moden dan mengikut kehendak serta ciri-ciri bangunan hijau.

Menurutnya, sebanyak lima blok 15 dan 20 tingkat mengandungi 1,162 unit rumah pangsapuri pegangan bebas dibina atas tanah seluas 6.4 hektar di tapak kosong di Jalan Puchong Utama 6 di sini.

Pembeli mempunyai tiga pilihan kediaman iaitu jenis B berkeluasan 750 kaki persegi, jenis C2 (900 kaki persegi) dan jenis D (1,000 kaki persegi).

“Jenis B dan C2, dilengkapi tiga bilik tidur dan tandas berasingan manakala jenis D dilengkapi dua bilik mandi. Harga jualan antara RM100,000 dan RM220,000,” katanya.

Kediaman itu dilengkapi kemudahan termasuk kolam renang, bangunan tempat letak kereta bertingkat, gelanggang tenis serta bola keranjang.

Terdapat juga taman rekreasi, gelanggang sepak takraw, balai raya, pejabat pengurusan, surau, tadika, taman permainan kanak-kanak dan gelanggang badminton.

Hashim berkata, meski dikategorikan sebagai Rumah Selangorku, aspek keselamatan penghuni turut diutamakan dengan penyediaan kemudahan pondok pengawal dan pagar di sekeliling pangsapuri.

“Bagi yang melepasi syarat ditetapkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), jangan lepaskan peluang untuk miliki unit kediaman ini, mereka boleh layari laman sesawang LPHS dan mendaftar secara atas talian atau isi borang di pejabat Hillcrest,” katanya.

Beliau berkata, kerja pembinaan akan dilaksana segera dan pendaftaran masih dibuka.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pembinaan Rumah Selangorku itu untuk memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan antara RM3,000 dan RM8,000.

Katanya, sebanyak 45,243 unit rumah mampu milik Rumah Selangorku diluluskan sejak 2014.

Selepas kerajaan negeri memperkenalkan insentif baharu termasuk pengecualian caj pemajuan, pengurangan premium tanah dan kenaikan densiti, sebanyak 20,008 unit diluluskan tahun lalu.

Bagi kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebanyak 536 unit rumah sudah diduduki manakala 11,171 unit rumah sudah ditawarkan dan dijangka pemilikan diserahkan selewat-lewatnya pada 2018.

“Sejumlah 8,615 unit lagi yang dalam proses pembinaan akan mula ditawarkan kepada orang ramai selewat-lewatnya hujung tahun ini setelah permit jualan diperoleh daripada kementerian,” katanya pada sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Selangorku di Puchong Utama, semalam.